

Headline	BNM ketatkan peraturan pembiayaan perumahan tepat
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	13 May 2017
Section	Ekonomi
Page No	17
Language	Malay
Journalist	AFIQ MOHD. SHAH
Frequency	Daily



## BNM ketatkan peraturan pembiayaan perumahan tepat

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 12 Mei** - Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) mengemukakan peraturan bagi pembiayaan perumahan sewajarnya dilihat dari sudut positif oleh semua pihak terutama golongan profesional bidang hartanah seperti penilai, pentaksir dan ejen hartanah.

Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Othman Aziz berkata, tujuan utama sekatan tersebut dilakukan adalah untuk mengekang peningkatan harga perumahan yang semakin tinggi.

Katanya, golongan profesional bidang hartanah seharusnya melihat langkah tersebut secara positif kerana tindakan berkenaan amat penting kepada pembangunan hartanah.

"Harga hartanah yang semakin tinggi pada asasnya dianggap berpunca daripada peningkatan pendapatan dan pembelian perumahan yang signifikan oleh warga tempatan dan asing yang mempu-

nyai kuasa pembelian.

"Langkah yang diambil kerajaan tepat pada masanya bagi menangani masalah ketidakseimbangan terutama pembeli pertama tidak akan berdepan masalah untuk memohon pinjaman perumahan,"

katanya dalam Majlis Penyampaian Sijil dan Anugerah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah (BOVAEA) di sini malam ini.

Yang turut hadir Presiden BOVAEA, Dr. Rahah Ismail; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Polisi Strategik), Noridin Daharom dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), Dr. Zailan Isa.

Beliau kemudiannya menyampaikan Diploma Perejenan Hartanah kepada 78 pelajar yang mengambil kursus berkenaan dengan BOVAEA selain penyampaian sijil pendaftaran penilai dan ejen hartanah masing-masing ser-

mai 36 dan 28 orang.

Dalam pada itu, Othman berkata, kerajaan berharap lebih ramai golongan profesional dalam bidang hartanah dapat dilahirkan bagi menghadapi cabaran persekitaran sektor hartanah yang semakin dinamik.

Katanya, peranan golongan profesional bidang hartanah seperti penilai, pentaksir dan ejen hartanah amat penting kepada ekonomi negara di samping mengembangkan pasaran hartanah.

"Namun begitu, golongan bertauliah ini perlu diingatkan supaya sentiasa mempunyai kadar profesionalisme dan integriti yang tinggi serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan BOVAEA.

"Golongan profesional ini juga seharusnya bersedia dan mempersiapkan diri dengan kepakaran, amalan standard, maklumat dan sumber bersesuaian bagi meneroka lebih banyak peluang di dalam dan luar negara," katanya.



**OTHMAN AZIZ** (tiga dari kanan) dan **Dr. Rahah Ismail** (kanan) hadir ke majlis penyampaian sijil dan anugerah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah di Kuala Lumpur, semalam. - **UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ**